

USUL
PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU
KAMAR KHAS
DEWAN RAKYAT M1P5PAR13

TARIKH	27 MAC 2017 (ISNIN)
AHLI YANG BERUCAP	YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]
MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB	YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
TAJUK UCAPAN	PEMENDAPAN DI MUARA SUNGAI SEDILI BESAR

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Latar belakang Sungai Sedili Besar bermula di Batu 52 dan melalui Kampung Mawai, Kampung Gembut dan berakhir di Pekan Tanjung Sedili. Panjang sungai tersebut ialah 57km dan lebar ialah 500m.

Manakala Muara Sungai Sedili Besar berakhir di Laut China Selatan dan sungai ini juga merupakan tumpuan utama pergerakan keluar masuk nelayan ke laut.

Isu dan masalah yang berlaku adalah:

1. Sungai Sedili Besar sering mengalami masalah pemendapan pasir dan cetek. Pemendapan pasir berlaku apabila pergerakan pasir turun daripada hulu sungai dan berkumpul di muara sungai. Kejadian pasang surut juga telah menyebabkan salah satu faktor pengumpulan pasir di muara sungai tersebut.

2. Perkara ini telah menyukarkan pergerakan keluar masuk bot nelayan untuk ke laut dan juga pergerakan keluar masuk Kapal Jabatan Maritim. Bot-bot nelayan tersebut terpaksa menunggu keadaan air pasang terlebih dahulu untuk pergerakan keluar masuk bot mereka kerana muara sungai tersebut sangat cetek.

3. Kali terakhir Sungai Sedili Besar digali ialah pada tahun 1997 iaitu lebih kurang 20 tahun yang lalu. Ini adalah kerana penggalian muara sungai tersebut adalah penggalian berskala besar dan memerlukan kos yang tinggi.

Saya mohon penjelasan dari pihak Kementerian dalam mengatasi masalah tersebut dan mempertimbangkan tindakan sewajarnya iaitu dengan cara menggali dan mendalamkan 'muara Sungai Sedili Besar' untuk memudahkan pergerakan keluar masuk nelayan ke laut seterusnya dapat membantu pergerakan bot Jabatan Maritim yang terletak di kawasan tersebut.

Dengan mendalamkan muara Sungai Sedili Besar ini dijangka akan merancakkan aktiviti nelayan tempatan dalam mencari rezeki harian.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) mengambil serius akan masalah muara cetek di Muara Sungai Sedili Besar yang menyebabkan kesukaran kepada bot-bot nelayan untuk keluar masuk ke jeti pendaratan ikan di kawasan muara dan kesukaran kepada pergerakan bot-bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Secara semulajadi, ekosistem sungai sememangnya terlibat dengan *sediment transportation* di mana sedimen di kawasan hulu sungai akan di bawa melalui aliran sungai ke hilir sungai. Biasanya, kuantiti sedimen ini adalah tidak signifikan dan tidak memberi impak yang besar terhadap pemendapan di muara sungai. Walau bagaimanapun, aktiviti pembangunan dan guna tanah di kawasan hulu sungai akan menambahkan lagi kuantiti sedimen yang masuk ke dalam sistem sungai dan akhirnya akan berakhir di kawasan muara. Inilah punca utama yang menyumbang kepada masalah pemendapan di muara-muara sungai di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan *Integrated River Basin Management (IRBM)*, *Integrated Water Resource Management (IWRM)* dan *National Coastal Erosion Study 2015 (NCES)* bagi semua kawasan sungai dan pantai di Malaysia. Bagi menjayakan hasrat ini, kerjasama di kalangan semua agensi dan pihak berkuasa tempatan amatlah perlu dilaksanakan untuk memastikan pembangunan yang lestari dan mesra kepada alam sekitar.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan kajian awalan cadangan kaedah yang berkesan

untuk mengatasi masalah pemendapan ini. Anggaran kos bagi melaksanakan projek tersebut adalah sebanyak RM20 juta.

Pihak kementerian seterusnya akan mempertimbangkan permohonan projek di Muara Sungai Sedili Besar tersebut dalam *Rolling Plan 3*, RMKe-11. Pada masa yang sama, pemantauan secara berkala dan berterusan akan dilaksanakan oleh JPS dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.